



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**SAMBUTAN HARI MENANGANI KEGANASAN TERHADAP WANITA TAHUN 2025
(ELIMINATION OF VIOLENCE AGAINST WOMEN (EVAW))**

LOKASI / TARIKH / MASA

**DATARAN LANG, LANGKAWI, KEDAH | 24 NOVEMBER 2025
(ISNIN) | 8.30 MALAM**

Kemas kini 13 November 2025

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera,

Salam Malaysia MADANI,

Terima kasih kepada pengacara majlis

SALUTASI

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, dengan izin Allah S.W.T kita dapat berkumpul pada malam ini untuk menyambut **Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita**. Malam ini membawa mesej jelas iaitu keselamatan, maruah, dan hak wanita mesti sentiasa dipertahankan.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada Jabatan Pembangunan Wanita JPW selaku penganjur program dan Lembaga Pembangunan

Langkawi (LADA) selaku tuan rumah atas segala kerjasama serta komitmen yang diberikan dalam menjayakan program ini.

3. Terima kasih juga kepada lebih 200 peserta daripada pelbagai agensi kerajaan, NGO dan wakil komuniti yang hadir. **Kehadiran anda menunjukkan bahawa usaha menangani keganasan terhadap wanita adalah tanggungjawab bersama – bukan hanya KPWKM.**

(B) LATAR BELAKANG SAMBUTAN HARI MENANGANI KEGANASAN TERHADAP WANITA

Hadirin yang saya muliakan,

4. Sambutan Hari Antarabangsa Menangani Keganasan Terhadap Wanita telah diadakan sejak tahun 2009. Tarikh 25 November diiktiraf oleh PBB sebagai hari global untuk memberi perhatian kepada isu yang semakin mendesak ini.

5. Kerajaan mengambil pendekatan **whole-of-government**, memastikan setiap agensi memainkan peranan. **Akta Keganasan Rumah Tangga 1994** telah diperkukuh, termasuk perlindungan terhadap penderaan psikologi dan emosi. Pindaan 2017 pula memperkenalkan **Perintah Perlindungan Kecemasan** untuk membantu mangsa dengan lebih cepat.

6. Selain itu, pindaan ke atas Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] pada 2022 melibatkan 17 peruntukan termasuk pengukuhan definisi, peningkatan hukuman penjara serta pelaksanaan hukuman sebatan. Pindaan ini turut memperluas peranan KPWKM dalam penyeliaan pegawai pelindung dan pengurusan rumah perlindungan mangsa pemerdagangan orang. **Akta Kerja 1955 turut dipinda untuk mewajibkan dasar gangguan seksual bertulis** — satu langkah besar ke arah tempat kerja yang lebih selamat.

7. Di KPWKM, perkhidmatan sokongan mangsa telah diperkukuhkan. Khidmat kaunseling disediakan melalui Talian Kasih 15999, Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) dan intervensi psikososial di lokasi krisis. Penubuhan Tribunal Antigangguan Seksual (TAGS) sejak 8 Mac 2024 turut memperkukuh penyelarasan undang-undang iaitu Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840].

8. KPWKM menerusi JPW telah menggerakkan Kempen *Elimination of Violence Against Women* (EVAW) yang merupakan kempen untuk memastikan agenda menghentikan keganasan terhadap wanita ini dapat dilaksanakan dengan berkesan dan menyeluruh.

9. Namun, kita perlu akui realiti semasa. Berdasarkan data sehingga Jun 2025, lima negeri mencatat kes keganasan rumah tangga tertinggi ialah **Selangor, Perak, Johor, Kedah dan Sabah**. Ini memerlukan tindakan yang lebih meluas, berfokus, dan melibatkan semua pihak.
10. Sepanjang Januari hingga Oktober 2025, JPW telah melaksanakan **lebih 101 program advokasi** dengan penyertaan **lebih 74,000 peserta**.

11. Di sekolah pula, 12 program telah dijalankan, melibatkan hampir 4,000 pelajar – satu usaha penting bagi memastikan generasi muda memahami bagaimana untuk melindungi diri dan orang sekeliling.
12. JPW juga telah memperkenalkan panduan **Kit Keganasan Rumah Tangga (KRT)** dengan nama **Kit CeKaL** yang membawa maksud **Kit Tindakan Cemas, Kemas dan Lari** pada 20 Ogos 2025. Kit ini merupakan sebuah beg yang disediakan lebih awal oleh mangsa sebagai persediaan untuk

menyelamatkan diri dengan cepat apabila berlaku situasi yang berbahaya atau mengancam nyawa.

(C) PROGRAM PELUNCURAN SAMBUTAN EVAW DAN PENCAHAYAAN OREN DI DATARAN LANG

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Tema antarabangsa tahun ini ialah “**Unite to End Digital Violence Against All Women and Girls**”, bersempena 30 tahun Beijing Declaration dan Platform for Action.

14. Warna oren dipilih sebagai simbol solidariti – warna yang membawa harapan. **Pemilihan Dataran Lang sangat bertepatan**, kerana helang adalah lambang kekuatan dan kebebasan. **Wanita yang bebas daripada keganasan akan dapat ‘terbang’ tinggi, membina kehidupan yang selamat dan bermaruah.**

15. Malam ini, ikon Burung Helang Langkawi akan disinari cahaya oren – satu pernyataan jelas bahawa **Malaysia bersatu dalam usaha menghentikan keganasan terhadap wanita.**

(D) PENUTUP

16. Sebelum saya mengakhiri ucapan, izinkan saya menyentuh mengenai kempen “**Awak OK Tak?**” — satu inisiatif untuk menggalakkan rakyat Malaysia saling mengambil berat. Kadangkala, satu soalan sederhana mampu menyelamatkan nyawa. Jika terdapat sebarang kes keganasan atau penganiayaan, **Talian Kasih 15999** sedia membantu **24 jam sehari, 7 hari seminggu**.

17. Akhir kata, marilah kita bersama-sama membina masyarakat yang selamat, penyayang, dan saling menghormati. Keselamatan wanita bukan hanya agenda kementerian saya tetapi tanggungjawab kita sebagai sebuah negara.

Dengan lafaz “**Bismillahir Rahmanir Rahim**”, saya dengan sukacitanya merasmikan **Sambutan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita Tahun 2025**.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
24 November 2025